



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2015

PEMBERIAN KHAS TAHUN 2015

TUJUAN

1. Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Pemberian Khas Tahun 2015 kepada pegawai dan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Pemberian Khas Tahun 2015 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Kadar Pemberian Khas Tahun 2015 yang ditetapkan adalah sebanyak RM500.00.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

PELAKSANAAN

4. Pemberian Khas ini diberi kepada semua pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang yang berkhidmat pada tahun 2015 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015.

Pegawai Yang Layak

5. Pegawai yang layak dibayar Pemberian Khas Tahun 2015 adalah seperti berikut:

- a. pegawai lantikan tetap, sementara, contract of service dan guru interim;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang bercuti tanpa gaji/dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2015;
- d. pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- e. pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan YA Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

Pekerja Sambilan Harian (PSH)

6. Pemberian Khas sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2015.

7. Bagi PSH yang berkhidmat melebihi satu kontrak dalam tahun 2015, Pemberian Khas akan dibayar oleh Jabatan terakhir pegawai berkhidmat tertakluk kepada PSH tersebut memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam perenggan ini.

8. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, Jabatan terdahulu yang mana PSH memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut akan membayar Pemberian Khas tersebut.

Pegawai Yang Tidak Layak

9. Pegawai yang tidak layak dibayar Pemberian Khas Tahun 2015 adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2015;
- b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2015;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2015;
- d. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tahun 2015; dan
- e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2015.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Khas

10. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Pemberian Khas ini. Pegawai hanya layak dibayar Pemberian Khas sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

TARIKH PEMBAYARAN

11. Pemberian Khas sebanyak RM500.00 ini dibayar pada 4 Januari 2016.

KAEDAH PEMBAYARAN

12. Pembayaran Pemberian Khas ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

Pesara

13. Pemberian Bayaran Khas kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM250.00.

14. Bagi pegawai dan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 layak dibayar Pemberian Khas pada kadar RM500.00 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh 5 Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

15. Pesara Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik semula secara contract of service dalam tahun 2015 layak dibayar Pemberian Khas pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

Pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan

16. Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 layak dibayar Pemberian Khas pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015.

17. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala baki sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

KEPUTUSAN

18. Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2015 mengenai Pemberian Khas Tahun 2015 (Rujukan: JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (5) bertarikh 20 November 2015).

TARIKH KUAT KUASA

19. Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu pada 20 November 2015.

Sekian, terima kasih



(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)

Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

8 Disember 2015

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah-Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang